KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	31.05.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

PGA rampas 541 ekor burung bernilai lebih setengah juta diseludup dari negara jiran

Sorok murai batu dalam bakul plastik

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

TUMPAT – Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya menggagalkan cubaan seorang lelaki untuk menyeludup masuk sebanyak 541 ekor burung murai batu bernilai RM571,500 selepas menahan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) di Kampung Jubakar di sini kelmarin.

Rampasan dijalankan kira-kira pukul 4 petang semasa anggota PGA menjalankan Ops Wawasan Kelantan di sekitar kawasan tersebut sebelum melihat sebuah MPV jenis Chery Eastar dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Penolong Pegawai Pemerintah Batalion 8 PGA, Deputi Superintendan K. Ramesh berkata, anggota bertugas menahan pemandu MPV berusia 28 tahun itu sebelum menemui 32 bakul plastik berada di dalam kenderaan berkenaan.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati, sebanyak 541 ekor burung murai batu yang diperc ayai diseludup dari negara jiran diletakkan di dalam bakul-bakul plastik tersebut.



ANTARA burung murai batu (gambar kecil) yang dirampas susulan penahanan seorang lelaki di dalam sebuah MPV jenis Chery Eastar di Kampung Jubakar, Tumpat kelmarin. – IHSAN PGA

"Kesemua burung murai batu yang dirampas dianggarkan bernilai RM 571,500.

"Siasatan mendapati, pemandu MPV itu berasal dari Gerik, Perak dan suspek telah ditahan untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, kesemua burung murai batu berkenaan telah diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan kes disiasat mengikut Seksyen 60 (1) (A) Akta Perhilitan 1972.

Dalam perkembangan sama, menurut Ramesh, Batalion 8 PGA turut menahan 12 lelaki dan tujuh buah kenderaan dalam tempoh tiga hari pemugaran Ops Wawasan Kelantan di sempadan negara.

"Bermula 26 Mei hingga kelmarin, sebanyak sembilan kes tangkapan dilaporkan dengan jumlah rampasan kira-kira RM2 juta," katanya.